

13/05/2000

Keris Motion tinggal sembilan ahli

Zainuri Misfar

KERIS MOTION menyifatkan salah satu punca menyebabkan beberapa ahlinya menarik diri daripada konsortium adalah kerana dipengaruhi pihak tertentu yang ditawarkan jumlah slot atau waktu siaran lebih banyak, selain bayaran lebih lumayan.

Sebelum ini, konsortium penerbit filem dan video Melayu itu pada awal penubuhannya mempunyai 13 ahli, dan beberapa tahun kemudian bertambah kepada 19 ahli. Kini, ia hanya tinggal sembilan ahli.

Sikap ahli itu walaupun secara keseluruhannya tidak menunjukkan masalah dengan pengurusan Keris Motion, ia sudah cukup membayangkan semangat setiakawan amat rapuh di kalangan penerbit Bumiputera.

Pengerusi Eksekutifnya, Mohamed Jusoh, berkata penarikan diri beberapa ahli Keris Motion juga tidak menjejaskan penampilan, kekuatan dan kedudukan konsortium itu.

"Sebenarnya, lebih kecil menjadikan pengurusan lebih mudah dan berkesan. Apa ertinya mempunyai jumlah keahlian besar tetapi tidak berupaya memberikan hasil bermutu. Jadi, biarlah kecil tetapi semuanya cergas dan mempunyai kesetiaan tinggi," katanya.

Keris Motion didaftarkan pada 18 Julai 1995 dan dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober tahun yang sama.

Sehingga kini, konsortium itu hanya tinggal sembilan ahli. Skop Productions adalah anggota terbaru yang menarik diri. Difahamkan ada pihak tertentu yang cuba meracuni ahli Keris Motion dan mahu memecah-belahkan kedudukan konsortium itu dengan matlamat supaya ia tidak wujud lagi dalam industri penerbitan drama dan filem.

Mohamed yang enggan mendedahkan pihak berkenaan berkata, setakat ini Ahli Lembaga Pengarah Keris Motion juga tidak berada dalam keadaan terdesak atau berhasrat untuk menambah keahliannya.

"Mereka yang menarik diri juga bukan disebabkan ada masalah dengan kita. Mereka meninggalkan Keris Motion atas keputusan sendiri," jelasnya.

Dalam pada itu, hubungan Keris Motion dengan RTM sejak kebelakangan ini semakin baik apabila stesen televisyen itu menerima banyak rancangan atau drama terbitan konsortium berkenaan.

"Dari semasa ke semasa, hubungan kita dengan RTM tetap baik. Bahkan RTM sudah membeli banyak program daripada kita, sama ada terus dari Keris Moton atau ahli Keris Motion.

"Malahan RTM juga meminta kita supaya menyambung beberapa rancangan terbitan Keris Motion kerana mendapat sambutan baik penonton," katanya.

Dalam pada itu, Mohamed juga menjelaskan Keris Motion kini akan semakin cergas menerbitkan drama bagi menguatkan lagi sumber kewangannya. Bagaimanapun, itu bukan bermakna mahu bersaing atau berebut slot televisyen dengan semua anggotanya.

"Kita tidak bersaing. Kalau ahli dapat peluang menerbitkan drama, itu hak dia. Sedangkan apabila Keris Motion pula menerbitkan filem atau drama, hasilnya dikongsi bersama. Cara ini mendapat sokongan ahli. Ini disebabkan ia dapat mengukuhkan sumber kewangan projek lebih besar," katanya.

(END)